- 26.1 Petender hendaklah memastikan bahawa harga tawaran yang dikemukakan telah mengambil kira peruntukan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 yang telah diwartakan pada 1 Februari 2025 melalui Warta P.U. (A) 376 dan tiada pelarasan kadar harga boleh dilakukan disebabkan kegagalan petender mematuhi peraturan ini.

## **27.0 PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA ATAU KESALAHAN KARTEL ATAU TIPUAN BIDA**

- 27.1 Sekiranya didapati petender terlibat dalam membuat pakatan harga atau kesalahan kartel atau tipuan bida dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak atau penamatan kontrak dan juga lain-lain tindakan

undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

## 28.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 28.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia : Enam Ratus Sepuluh Ribu Sahaja (RM 610,000.00)
- 28.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Majlis atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 28.3 Pihak Majlis tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

## 29.0 LAIN-LAIN HAL

- 29.1 Setiap notis yang hendak diberi kepada Petender akan dihantar melalui faksimili/e-mel ke alamat yang dinyatakan dalam Sistem Tender *Online* Selangor 2.0 dan pengeposan/e-mel/faksimili itu hendaklah disifatkan sebagai satu penyampaian notis yang sempurna.
- 29.2 Perkataan-perkataan 'Petender yang berjaya' hendaklah dimaksudkan bahawa Petender yang mana sebut harganya telah disetuju terima oleh Jawatankuasa sebut harga yang menerima sebut harga – sebut harga dan hendaklah telah menepati syarat-syarat sebut harga ini.
- 29.3 Perkataan petender dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai seorang atau dua orang atau lebih. Perkataan 'dia' hendaklah disifatkan sebagai beliau atau mereka.
- 29.4 Ketidakpatuhan mana-mana syarat-syarat di atas boleh menyebabkan sebut harga tersebut ditolak.
- 29.5 Petender adalah dinasihatkan supaya melawat tapak sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan kerja yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan lebihan akibat kekurangan pengetahuan mengenai keadaan kerja tidak akan dilayan.



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**BAHAGIAN F**

**BORANG SEBUT HARGA DAN  
SYARAT-SYARAT MEMBUAT  
SEBUT HARGA**



3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja itu dalam masa ..... ( ) **minggu** dari tarikh pemilikan tapak bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan di dalam Syarat-Syarat Kontrak.

4. Jumlah amaun sebut harga ini ialah jumlah wang pukat sebanyak **Ringgit Malaysia**:.....  
.....  
.....  
iaitu, **RM** .....

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini berniat, jika sebut harga ini disetujui terima, memilih salah satu daripada bentuk Bon Pelaksanaan seperti berikut:

- a) Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful atau
- d) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika sebut harga ini disetujui terima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju terima sebut harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/BPMB/Bank SME/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans/Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;

- (c) Polisi Insurans/Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (e) Petender akan menanggung kos penyediaan fi perkhidmatan bagi pengurusan kontrak sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Perkara 21.1** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.

9. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang sebut harga ini berserta Surat Setuju terima sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

10. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut Harga.

11. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada sebut harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga atau,
- (c) jika sekiranya sebut harga telah disetujui terima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat

Kontrak atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada \_\_\_\_\_haribulan \_\_\_\_\_2025.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Petender

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Nama Penuh \_\_\_\_\_

Atas Sifat : \_\_\_\_\_

Pekerjaan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya  
Untuk menandatangani sebut harga ini untuk  
dan bagi pihak :

\_\_\_\_\_  
(Meteri atau Cap Petender)

## SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut Harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut Harga yang tak lengkap atau tak bertandatangani akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Senarai Kuantiti yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti dan Ringkasan Sebut harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.

3. Jika mana-mana petender:

- (a) menarik balik Sebut harga nya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau
- (c) jika sekiranya Sebut harga telah disetujui terima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.

5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Perkara 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.
  - (b) Jika sesuatu Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi Sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
  - (c) Mana-mana Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
  - (d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan Sebut harganya boleh dibayar kepadanya.

6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskannya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan Sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut harganya.

8. Sebut harga- Sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga ") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujui Sebut harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima Sebut harga ") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans/Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans/Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan seperti dibawah :-

$$LAD \text{ perday} = \frac{\% BLR \times \text{Contract Sums}}{365 \text{ day}}$$

*\*(Subject to a minimum of RM100/- perday)*

18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203A (Rev. 1/2010) yang akan digunapakai untuk kerja-kerja ini.

19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjejaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar Petender tidak akan dipertimbangkan.

20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MBSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN G**

#### ***PREAMBLES***

| BIL | <b>PREAMBLES</b>  |
|-----|---|
| A   | <p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</b></p> <p>Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan senarai kuantiti yang dinyatakan didalamnya.</p>  |
| B   | <p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan <i>preambles</i> , kerja-kerja awalan dan senarai kuantiti. Ini adalah bertujuan agar petender dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti ini. Petender pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak Petender telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p> |
| C   | <p>Lokasi kerja adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam pelan lokasi atau senarai lokasi dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>  |
| D   | <p><b>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</b></p> <p>Petender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada <b>Perkara 21.0</b> dalam Arahan Kepada Pentender.</p>   |

| BIL |  |
|-----|--|
| 1   | <b>PEKERJA/KAKITANGAN PIHAK KONTRAKTOR</b>   |
| A   | Pihak kontraktor <b>WAJIB</b> menempatkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja yang akan dijalankan. <b>Pemilik syarikat berdaftar yang sah</b> perlu mengemukakan surat makluman/pemberitahuan yang mengandungi butiran seperti nama penuh, nombor telefon penyelia serta pengesahan oleh pemilik syarikat yang sah bahawa penyelia dilantik adalah merupakan pekerja syarikat yang sah. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.   |
| B   | Pihak kontraktor <b>DAN</b> wakilnya yang sah, akan dimasukkan ke dalam satu kumpulan <i>whats app</i> ( <i>whats app group</i> ) yang akan dinamakan kemudian bagi memudahcarakan/mencepatkan penyaluran semua makluman/maklumat/pertanyaan/jawapan/arahan kerja. Semua transaksi perbualan adalah sebagai satu transaksi rasmi dan perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor. kumpulan ini akan hanya dipadamkan selepas tempoh tanggungan kecacatan berakhir. Pihak kontraktor tidak dibenarkan meninggalkan kumpulan ini tanpa sebarang notis dan/atau sebab munasabah.   |
| C   | Pihak kontraktor perlu menyediakan segala peralatan perhubungan dan keselamatan yang mencukupi bagi semua pekerja/kakitangan kontraktor yang terlibat di tapak seperti <i>walkie talkie</i> , <i>vest</i> keselamatan, but keselamatan, but kalis air, baju hujan dan lain-lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu.  |
| D   | Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada Majlis. Pihak Majlis juga akan mengeluarkan 'NOTIS BERHENTI KERJA' secara lisan dan secara bertulis sekiranya pihak kontraktor masih tidak mematuhi. Kerja-kerja hanya boleh disambung semula sebaik pihak kontraktor mematuhi semua kriteria yang ditetapkan. |
| E   | Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.  |
| F   | Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak/kumpulan/individu yang cuba/telah memeras ugut/bertindak ganas/mengganggu kakitangan atau individu yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan/kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini.   |
| G   | Pihak kontraktor digalakkan membuat lawatan tapak bagi melihat halangan-halangan seperti kesesakan lalulintas, parkir kenderaan, dahan dan akar pokok, <i>gated area</i> , mencari maklumat berkaitan aliran alternatif lalulintas, lokasi meletak jentera dan lain-lain perkara yang terdapat ditapak bagi memudahkan pihak kontraktor membuat anggaran harga. Kos lawatan tapak adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor sendiri.   |



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN H**

#### **RINGKASAN SEBUT HARGA**

# RINGKASAN SEBUT HARGA

MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL  | HURAIAN KERJA   | JUMLAH (RM) |
|--|---|-------------|
| A  | KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM (M/S BQ 2/11) |             |
| B  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 3/11)                      |             |
| C  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 4/11)                      |             |
| D  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 5/11)                      |             |
| E  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 6/11)                      |             |
| F  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 7/11)                      |             |
| G  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 8/11)                      |             |
| H  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 9/11)                      |             |
| J  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 10/11)                     |             |
| K  | JUMLAH KESELURUHAN (M/S BQ 11/11)                     |             |
| JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM) : |   |             |

RINGGIT MALAYSIA : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

TEMPOH SIAP KERJA : ..... ( ) MINGGU

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan Kontraktor)  
 Nama :  
 No. KP :  
 Atas Sifat :  
 Cap & Alamat Syarikat :

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan Saksi)  
 Nama :  
 No. KP :  
 Alamat :



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN J**

#### **SENARAI KUANTITI**

# SENARAI KUANTITI

MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL                                    | HURAIAN KERJA  | JUMLAH (RM) |
|--|--|-------------|
|  | <p><b><u>KERJA-KERJA AWALAN (PRELIMINARIES)</u></b></p> <p><b>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</b></p> <p>Menyediakan perkara-perkara berikut :-</p> <p>A Kerja-karya awalan seperti penyediaan pangangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/jentera/lori /lori, buruh, penyediaan laluan keluar/masuk sementara ke tapak kerja dan lain-lain kerja berkaitan mengikut kesesuaian penggunaannya di tapak.</p> <p><b>Perlindungan Takaful/Perlindungan Insurans</b></p> <p>B Polisi takaful/Insurans Tanggungan Awam (iaitu takaful/insirans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta)</p> <p>C Polisi takaful/Insurans Kerja</p> <p>D Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja<br/> <b>** Kontraktor adalah digalakan untuk mengambil <i>pelan perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans</i></b></p> <p>E <b>Menyediakan Bon Pelaksanaan (Performance Bond) :</b><br/>                     Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan*<br/>                     Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)*<br/>                     * Potong mana yang tidak berkenaan</p> <p><b>Papantanda Projek</b></p> <p>F Kerja-karya bekal dan pasang satu (1) papantanda projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Hendaklah dipasang sebelum projek berjalan hingga siap projek termasuk membuka dan membawa keluar dari tapak. (Mengikut spesifikasi Jabatan Kejuruteraan)</p> <p><b>Peralatan Keselamatan</b></p> <p>G Penyediaan peralatan keselamatan yang mencukupi dan bersesuaian semasa bekerja seperti papantanda amaran/lalulintas, topi keselamatan, but keselamatan, <i>safety vest</i> , bendera, lampu bikon, kon, pita keselamatan (<i>red &amp; white hazard</i> ), <i>plastic barrier</i>, <i>hoarding</i> dan lain-lain keperluan yang berkaitan sepanjang tempoh kerja untuk semua pekerja/kakitangan kontraktor.</p> |             |
| <b>JUMLAH DIBAWA KE HADAPAN (RM) :</b> |  |             |

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL | HURAIAN KERJA   | JUMLAH (RM) |
|-----|---|-------------|
|     | <b>JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN (RM) :</b>  |             |
|     | <b><u>KERJA-KERJA AWALAN (PRELIMINARIES) (Sambungan)</u></b>  |             |
|     | <b>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</b>  |             |
|     | <b>Penyediaan Jadual Perancangan Kerja (Work Programme)</b>   |             |
| A   | Menyediakan dan mengemukakan Jadual Perancangan Kerja ( <i>Work Programme</i> ) sebelum kerja di tapak bagi memantau dan mengenalpasti status kemajuan kerja di tapak dari masa ke semasa.  |             |
|     | <b>Laporan Bergambar</b>  |             |
| B   | Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan <i>invoice</i> , borang <i>taking off</i> , pelan lokasi kerja, gambar kerja berserta tarikh dan dijilid kemas.  |             |
|     | <b>Penyediaan Perancah / Jentera</b>  |             |
| C   | Menyediakan perancah keselamatan iaitu pasang dan buka <i>Scaffolding</i> atau jentera seperti kren / <i>skylift</i> / <i>mini skylift</i> atau yang berkaitan bagi kerja-kerja mengecat permukaan bangunan, pemasangan <i>gutter</i> , <i>awning</i> serta lain-lain kerja berkaitan yang melibatkan ruang yang tinggi. Pemasangan <i>Platform</i> pekerja hendaklah dilengkapi dengan jaring keselamatan dan diselia oleh orang kompeten di bawah pengawasan langsungnya yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Spesifikasi JKR bagi keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. |             |
|     | <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b>  |             |

## MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL  | HURAIAN KERJA   | UNIT | KUANTITI | KADAR ( RM ) | JUMLAH ( RM ) |
|--|---|------|----------|--------------|---------------|
|  | <p>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (<i>Provisional Quantity</i>), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENAIKTARAF</u></b></p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENGECAT</u></b></p>  |      |          |              |               |
| A  | Menyediakan pekerja, peralatan dan jentera serta bahan bagi menjalankan kerja-kerja seperti membasuh, menggosok atau mengikis, distemper lama dan sebagainya termasuk pada mana-mana permukaan yang rosak perlu dibaiki yang hendak dicat dan menyediakan permukaan untuk disapukan sebanyak dua (2) lapisan cat asas ( <i>undercoat</i> ) pada permukaan berlepa pada bahagian luar bangunan pejabat termasuk pagar keliling dewan dan lain-lain kerja berkaitan yang diarahkan oleh wakil PP. | M2   | 3,000    |              |               |
| B  | Kerja-kerja mengecat keseluruhan permukaan dinding bahagian luaran dengan sapuan dua (2) lapis menggunakan cat jenis tahan rintangan cuaca ( <i>wheathershield</i> ) dengan jaminan ketahanan cat selama 5 tahun dari syarikat pengeluar cat yang diluluskan SIRIM pada keseluruhan bahagian luaran Dewan Serbaguna Sri Kembangan dan lain-lain kerja yang berkaitan seperti diarahkan oleh wakil PP ( <b>Warna Dan Grafik Akan Ditentukan di tapak</b> )                                       | M2   | 3,000    |              |               |
| C  | Kerja-kerja mengecat dinding bahagian dalaman dengan sapuan dua (2) lapis cat emulsi dengan jaminan ketahanan cat selama 5 tahun dari syarikat pengeluar cat yang diluluskan SIRIM pada keseluruhan bahagian ruang dalam Dewan Serbaguna Sri Kembangan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.   | M2   | 3,000    |              |               |
| D  | Kerja-kerja mengecat bumbung <i>metal deck</i> besi, kerangka bumbung, <i>grille</i> pintu dan tingkap menggunakan cat anti karat serta kerja mengecat dua (2) lapisan cat kilat berasaskan damar alkayd sintetik serta kerja yang berkaitan.   | M2   | 3,000    |              |               |
|  | <b><u>KERJA-KERJA SILING</u></b>  |      |          |              |               |
| E  | Kerja-kerja membuka, membuang dan melupuskan kepingan siling yang rosak dan kerja-kerja lain yang berkaitan.  | M2   | 150      |              |               |
| F  | Kerja-kerja membekal dan memasang siling jenis <i>aluminium strips ceiling</i> dan kerja-kerja lain yang berkaitan.   | M2   | 150      |              |               |
| <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b> |   |      |          |              |               |

**MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN**

**NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893**

| BIL  | HURAIAN KERJA  | UNIT   | KUANTITI | KADAR ( RM ) | JUMLAH ( RM ) |
|--|--|--------|----------|--------------|---------------|
|  | <p>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (<i>Provisional Quantity</i>), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENAIKTARAF (Sambungan)</u></b></p> <p><b><u>SALURAN AIR HUJAN</u></b></p> <p>A Kerja-kerja membuka dan membuang saluran air hujan yang rosak.</p> <p>B Kerja-kerja membekal dan memasang 150mm diameter salur tegak air hujan mengikut MS 1063 dengan sambungan soket dan dipasang pada dinding dengan <i>bolt</i> dan pendakap.</p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENUKAR PINTU DEWAN</u></b></p> <p>C Kerja-kerja membekal dan memasang pintu kaca <i>tempered glass</i> dengan ketebalan 12mm termasuk kelengkapan pemasangan.</p> <p>D <i>Set Patch Fitting</i></p> <p>E <i>Set Floor Hinge</i></p> <p>F <i>Set Lock</i> bahagian bawah (pintu jenis <i>tempered glass</i>)</p> <p>G <i>Set Handle</i> pintu jenis <i>stainless steel</i></p> <p><b><u>KERJA-KERJA MEMBUKA FRAME DAN PINTU KAYU UTAMA DEWAN, MEROBOH DAN LUPUS PENEBAK BUNYI KAYU DI DINDING BATA DALAM DEWAN, BILIK PENGAWAL KESELAMATAN, BOMBA &amp; AMBULAN SUKARELA DAN TANDAS</u></b></p> <p>H Kerja-kerja membuka frame dan pintu kayu utama dewan sediaada, meroboh, memecah dan membersihkan penebat bunyi di dinding bata / sesekat, kerangka aluminium, siling, lantai kemas dinding / lantai / siling dan aksesori / kelengkapan tandas sediaada dalaman bangunan serta menyah cas pendawaian sistem elektrik sediaada semasa kerja dijalankan termasuk dengan membawa keluar sisa bahan dan korekan keluar dari tapak ke tapak pelupusan yang ditetapkan oleh pihak MBSJ dan lain lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p> <p>J Simen plaster biasa untuk permukaan lama dan membersihkan lepaan yang retak jika perlu.</p> |        |          |              |               |
|  |  | M      | 120      |              |               |
|  |  | M      | 120      |              |               |
|  |  | M2     | 10       |              |               |
|  |  | Set    | 2        |              |               |
|  |  | Set    | 2        |              |               |
|  |  | Set    | 1        |              |               |
|  |  | Set    | 2        |              |               |
|  |  | Borong | -        | -            |               |
|  |  | M2     | 1,000    |              |               |
| <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b> |  |        |          |              |               |

**MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN**

**NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893**

| BIL  | HURAIAN KERJA   | UNIT | KUANTITI | KADAR<br>( RM ) | JUMLAH<br>( RM ) |
|--|---|------|----------|-----------------|------------------|
|  | <p>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (<i>Provisional Quantity</i>), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENAIKTARAF (Sambungan)</u></b></p> <p><b><u>KERJA-KERJA HIASAN DALAMAN TANDAS</u></b></p> <p><b><u>Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Dinding (Cubical) Surau &amp; Tandas (Lelaki, Wanita, VIP &amp; OKU)</u></b></p> |      |          |                 |                  |
| A  | <p><i>Cubical wall</i> berketebalan 12mm dengan berukuran 4200mm(W) x 2100mm(H) dan segala aksesori jenis (<i>stainless steel</i>) dan kelengkapan berkaitan serta ruang sehingga siap sempurna termasuk kerja-kerja berikut :</p> <p>i) 2 pintu 750mm x 2000mm<br/>                     ii) 1 pintu OKU 1000mm x 2000mm<br/>                     iii) 3 panel dinding penghadang 1800mm + 300mm (<i>joint board</i>) x 2000mm(H)</p>                     | Set  | 6        |                 |                  |
| B  | <p>Kerja-kerja membekal dan memasang jubin dinding jenis homogenous tiles / porcelain tiles (Gred A) 300mm x 600mm / 300mm x 900mm berketebalan 12mm termasuk skrid dan lain-lain kerja yang berkaitan serta kelengkapan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>  | M2   | 50       |                 |                  |
|  | <p><b><u>KERJA-KERJA LANTAI</u></b></p>   |      |          |                 |                  |
| D  | <p>Kerja-kerja membekal dan memasang jubin <i>homogenous</i> (Gred A) atau yang setaraf dengannya berukuran 300mm x 600mm x 12mm / 600mm x 1200mm x 12mm / 900mm x 300mm x 12mm serta kerja-kerja yang berkaitan sehingga siap sempurna.</p>  | M2   | 100      |                 |                  |
| E  | <p>Kerja-kerja melepai simen (<i>leveling</i>) bagi kemas lantai untuk memasang <i>tiles</i> baru serta kerja-kerja yang berkaitan sehingga siap sempurna.</p>  | M2   | 100      |                 |                  |
| F  | <p>Kerja-kerja membekal dan memasang lapisan kemas <i>Proofex Torchseal 3P Mineral</i> di atas permukaan lantai dan dinding dengan ketinggian 4' sehingga tertutup dan lain-lain kerja berkaitan.</p>   | M2   | 50       |                 |                  |
| <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b> |   |      |          |                 |                  |

## MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL  | HURAIAN KERJA   | UNIT | KUANTITI | KADAR ( RM ) | JUMLAH ( RM ) |
|--|---|------|----------|--------------|---------------|
|  | <p>Kuantiti bagi kerja-kerja berikut adalah sementara (<i>Provisional Quantity</i>), Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar di tapak yang akan dikira semula setelah kerja dilaksanakan.</p> <p><b><u>KERJA-KERJA MENAIKTARAF (Sambungan)</u></b></p> <p><b><u>KERJA-KERJA SILING TANDAS</u></b></p> <p>A Kerja-kerja membekal dan memasang <i>Plastered ceiling</i> dan 'L' BOX DESIGN termasuk kerangka aluminium yang dipasang kemas pada siling sediaada di tapak dan lain-lain kerja yang berkaitan sehingga siap sempurna.</p> <p>B Kerja-kerja membuka dan mengalih serta <i>make good aircond suction grille</i> sediaada di tapak lengkap dengan aksesori ducting berkaitan serta kelengkapan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p> <p><b><u>KERJA PAIP AIR</u></b></p> <p>Kerja-kerja membekal dan memasang <i>ABS pipe</i> baru (<i>incoming pipe</i>) termasuk kelengkapan yang berkaitan.</p> <p>C 2" diameter P-trap</p> <p>D 1" diameter</p> <p>E 3/4" diameter</p> <p>F Kerja-kerja membekal dan memasang <i>stainless steel floor trap pipe</i> saiz 100mm diameter</p> <p>G Penyambungan kepada paip lurus - 100mm diameter</p> <p>H Tee Penyaman - 100mm diameter</p> <p>J Paip - 100mm diameter</p> <p>K Kerja-kerja membekal dan memasang Injap penyekat jenis skru masuk diperbuat dari loyang (<i>Stop cock</i>).</p> |      |          |              |               |
|  |   | M2   | 50       |              |               |
|  |   | M2   | 50       |              |               |
|  |   | M    | 35       |              |               |
|  |   | M    | 35       |              |               |
|  |   | M    | 35       |              |               |
|  |   | Nos  | 5        |              |               |
|  |   | Nos  | 5        |              |               |
|  |   | Nos  | 5        |              |               |
|  |   | M    | 5        |              |               |
|  |   | Nos  | 10       |              |               |
| <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b> |   |      |          |              |               |

## MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA MBSJ SERI KEMBANGAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/893

| BIL  | HURAIAN KERJA  | UNIT | KUANTITI | KADAR ( RM ) | JUMLAH ( RM ) |
|--|--|------|----------|--------------|---------------|
